

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD ANUAR BIN MOHD
TAHIR**
KAWASAN : TEMERLOH
TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 20

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemajuan terkini penyelenggaraan jalan-jalan raya kerana kelihatan di sana-sini jalan-jalan raya tidak terurus, rumput dan pokok panjang di median jalan. Ini jelas kelihatan di Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) walaupun ianya terletak di dalam kota raya Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah panjang **Jalan Lingkar Tengah 2 (MRR2)** yang disenggara oleh syarikat konsesi adalah sepanjang **39.90 km** dan melibatkan dua Daerah iaitu **Daerah Gombak (25.9 km)** dan **Daerah Hulu Langat (14.00 km)**. Kementerian Kerja Raya telah **memperuntukkan sejumlah RM820 ribu setahun bagi penyenggaraan rutin, peruntukan berjumlah RM28.2 juta bagi penyenggaraan berkala dan peruntukan kecemasan berjumlah RM1.4 juta bagi tahun 2017 hingga 2020** bagi lokasi tersebut.

Bagi tahun 2020 sehingga bulan Jun, sebanyak **10 Arahan Kerja kerja berkala pavemen bernilai RM12.96 juta** telah diperuntukkan dengan kemajuan kerja telah mencapai **45.50% siap**. Seterusnya bagi **Arahan Kerja berkala bukan pavemen sebanyak 11 bilangan kerja berjumlah RM3.34 juta** telah diperuntukkan dengan kemajuan kerja telah **mencapai 49.50% siap** dan **kerja Pembersihan Jalan/ "Roadsweeper" bernilai RM0.77 juta** dengan kemajuan kerja telah mencapai **32.50% siap**.

Tuan Yang Di-Pertua,

Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui **syarikat konsesi melaksanakan penyenggaraan rutin mengikut program kerja yang telah dirancang berdasarkan Program Kerja Tahunan**. Walau bagaimanapun **kerja penyenggaraan rutin tidak dapat dilaksanakan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu bermula 18 Mac 2020**. Namun bermula awal **Mei 2020 kerja penyenggaraan rutin telah dilaksanakan sepenuhnya**.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) komited dalam memastikan semua Jalan Persekutuan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan

NO SOALAN : 20

kerja-kerja penyenggaraan rutin sepanjang tahun dan melaksanakan penyenggaraan berkala mengikut kelulusan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.